

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 27 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 19

Sisa bahan kimia dibuang jenis tidak berbahaya

Kuala Selangor: Sisa bahan kimia yang ditemui dibuang pihak tidak bertanggungjawab di tapak pembuangan sampah haram di Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa, 20 November lalu adalah bahan kimia tidak berbahaya dan disyaki sebagai buangan terjadual.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri Hee Loy Sian berkata, hasil siasatan mendapati 244 tong di lo-

kasi pertama disyaki mengandungi buangan seperti SW 303 (pelekat), SW 321 (getah) dan SW 322 (pelarut organik).

Katanya, manakala di lokasi kedua, sebanyak 23 tong juga mengandungi buangan sama dan dipercayai dilakukan pihak sama.

"Sebanyak 13 sampel diambil dari tong serta tanah tercemar di lokasi kejadian dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa komposisi dan kandungan," katanya.